

Perdana Menteri mahu urusan UMBC disiasat

GEORGETOWN, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu isu pinjaman United Malayan Banking Berhad (UMBC) dan beberapa urusan bank itu yang dikatakan tidak mengikut peraturan, disiasat.

Perdana Menteri menegaskan, pinjaman yang diragui dalam bank keempat terbesar di Malaysia itu memang patut disiasat.

"Tindakan juga patut diambil terhadap mereka yang terbabit," katanya

kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas laporan *Asian Wall Street Journal* dua hari lalu bahawa Bank Negara sedang menyiasat beberapa perkara yang tidak mengikut peraturan dalam UMBC.

UMBC kini dikuasai oleh Datuk Keramat Holdings Berhad yang membeli 60 peratus saham bank itu daripada Perha-

danan Nasional Bhd (Perinas) tahun lalu.

Laporan itu juga menyebut, Bank Negara turut menyiasat peranan seorang peguam, Simon Tay Chiow Kee, yang dikatakan terbabit secara langsung dalam operasi UMBC walaupun dia bukan seorang pemegang saham atau eksekutif rasmi bank itu.

Mengikut peraturan Bank Negara, perlantikan pegawai pengurusan kanan bank dan syarikat kewangan mesti terlebih da-

hulu mendapat kelulusan bank pusat.

Perdana Menteri berkata, Bank Negara perlu menyiasat setiap perkara yang tidak betul dalam bank berkenaan bagi memastikan mereka yang terbabit dikenakan tindakan.

Sementara itu, jurucakap Bank Negara enggan mengulas ketika dihubungi. Bagaimanapun, bank pusat itu difahamkan sudah menjalankan siasatan terhadap UMBC sejak tiga bulan lalu.